

17/11/2001

Jangan guna keganasan tekan kerajaan: PM

Kadir Dikoh; Munarfah Abu Bakar

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mencabar mereka yang tidak puas hati terhadap kepemimpinan sekarang supaya bersemuka dalam pilihan raya, bukan melakukan tindakan ganas untuk memberi tekanan kepada kerajaan.

Perdana Menteri berkata, mereka tidak ada sebab yang mewajarkannya berbuat demikian seperti bertindak ganas melalui pembunuhan dan melontar bom bagi menimbulkan keadaan kacau bilau.

"Contohnya ada orang rasa (langkah) Malaysia tidak cukup lagi sebagai sebuah negara Islam dan dengan itu mereka harus tubuh sebuah negara Islam, melalui tindakan keganasan.

"Mereka pergi ke Afghanistan untuk belajar cara membuat bom, bagaimana membunuh orang dan bagaimana menjalankan kegiatan keganasan. Tetapi apakah yang mewajarkan mereka berbuat demikian di Malaysia.

"Jika anda mahu, anda boleh menyertai politik dan boleh dipilih (oleh rakyat). Anda boleh menjatuhkan kerajaan ini cuma melalui proses membuang undi," katanya dalam sesi soal jawab selepas menyampaikan ucap tama di persidangan mengenai keganasan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Persidangan dua hari itu disertai wakil pelbagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO), termasuk parti pembangkang selain wakil media dan golongan akademik.

Dr Mahathir berkata, sebagai contoh ialah pengikut Kumpulan Al-Maunnah dan Kumpulan Militan Malaysia (KMM) yang bertindak ganas sehingga memaksa kerajaan mengambil tindakan terhadap mereka.

Beliau berkata, jika mereka dapat meyakinkan rakyat di negara ini bagi membolehkan mereka menubuhkan sebuah negara yang diinginkan, serahlah kepada rakyat melalui pilihan raya sama ada pendirian mereka disokong atau sebaliknya.

"Tetapi bukan melakukannya melalui keganasan. Oleh itu, kita boleh anggap mereka ini sama ada jahil, bodoh atau berasaskan mereka tidak boleh meyakinkan rakyat... mereka rasa tidak boleh menang dalam pilihan raya yang adil.

"Dengan itu, mereka memaksa diri bagi mencapai impian itu menerusi tindakan ganas. Malah, kita juga kalah di dua negeri (Kelantan dan Terengganu) kepada pembangkang.

"Kerana mereka tidak dapat menang keseluruhan negara tidak bermakna mereka harus bertindak ganas. Malah, seorang Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) ditembak semata-mata dia beragama Kristian dan jika dibiarkan, penganut Kristian di negara ini akan hidup dalam ketakutan," katanya.

Dr Mahathir menjelaskan, itulah bentuk keganasan yang dihadapi oleh negara ini dan keganasan kini memang menjadi perhatian seluruh negara selepas serangan ke atas Amerika Syarikat 11 September lalu.

Katanya, keganasan boleh berlaku di mana saja selagi penganas itu berfikir bahawa cara itu sahajalah boleh dilakukan bagi mencapai matlamat tersendiri mereka.

Oleh itu, beliau berkata, semua pihak perlu bekerjasama menangani isu keganasan kerana ia boleh merugikan semua tanpa mengira kaum atau agama.

Menjawab soalan seorang peserta, Dr Mahathir berkata salah tanggapan mengenai Islam dan di kalangan sesama Islam sendiri itu adalah berikutan pendapat yang bercanggah.

Katanya, ada kumpulan yang hanya menuruti fatwa ketua mereka sahaja yang

mempunyai kepentingan politik tertentu dengan cuba mempengaruhi orang ramai dalam usaha mengejar matlamat untuk mendapat kuasa pemerintah.

Bercakap dalam sidang akhbar kemudian, Perdana Menteri berkata negara ini mempunyai Majlis Fatwa Kebangsaan yang diiktiraf kerajaan dan rakyat, tetapi ada orang yang menggunakan agama untuk kepentingan diri dengan tidak mahu mengiktiraf hak majlis itu.

"Mereka nak buat fatwa mereka sendiri kerana nak mencapai kepentingan mereka. Sebab itu mereka buat fatwa dan pengikut mereka pula percaya bahawa mereka berhak membuat fatwa.

"Fatwa tidak boleh dibuat dengan sewenang-wenangnya. Orang tertentu nak isytihar jihad umpamanya, ini adalah satu perkara yang serius. Sepatutnya mereka tidak menggunakan agama untuk kepentingan politik mereka," katanya.

(END)